



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 FEBRUARI 2024**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BAWANG MERAH CHINA DIGANTI BAWANG BELANDA LEBIH MAHAL, NASIONAL, BH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LAGI BUBU NAGA DIRAMPAS DI PERAK, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
3.	MAMPU TUAI HASIL LUMAYAN, LOKAL, HM -13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	MAQIS RAMPAS HAMPPIR 25 TAN PERUT BABI SEJUK BEKU, NEGERI SELANGOR, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	PADI FARMERS IN KEDAH ON RED ALERT, NATION, THE STAR -2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KOPERASI AGRO TERNAK MELAYU PERAK BERHAD (KATAM)

Mampu tuai hasil lumayan

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Kuala Kangsar

Bermula daripada hasrat beberapa petani kecil dalam kawasan Manong di sini berkumpul untuk berkongsi ilmu dan pengalaman, Koperasi Agro Ternak Melayu Perak Berhad (KATAM) kini mampu menuai hasil lumayan dengan pelaksanaan pelbagai projek tanaman berasaskan teknologi pertanian moden.

Pengerusinya, Mohd Helmi Muhammad Rodzi, 43, berkata, koperasi yang ditubuh pada 2020 itu, kini memiliki 18 ahli berusia 24 hingga 47 tahun dengan majoritinya berkepakaran dalam mengusahakan tanaman cili fertigasi jenis Sakata 461.

Menurutnya, terdapat 42,000 poli beg yang dipecahkan di lapan lot ta-

nah di sekitar Manong dengan keluasan keseluruhan 6.7 hektar bersamaan 15 ekar.

"Kami sudah sediakan perancangan jadual tanaman mengikut musim bagi setiap plot, kaedah ini menjamin pengeluaran cili yang berterusan dan tidak terhenti.

"Hasilnya, setiap minggu kami boleh mengumpulkan sejumlah 800 ke 900 kilogram (kg) atau hampir empat tan dalam tempoh sebulan, lalu dijual ke pasar borong dan peruncit di Ipoh," katanya memaklumkan harga pasaran cili masih bertahan RM6 ke atas bagi sekilogram.

Selain itu, Mohd Helmi berkata, KATAM turut mengusahakan tanaman lain seperti labu air dengan pengeluaran hasil kira-kira 4.5 tan seminggu, juga labu manis dan timun yang masing-masing mampu mencapai pengeluaran satu tan setiap minggu.

Tambahnya lagi, mereka kini giat meneroka perusahakan tanaman seperti halia, jagung dan kobis.

"Kita melantik ahli untuk memajukan projek ini dalam satu kawasan. Se-



MOHD Helmi menjelaskan koperasi yang ditubuh pada 2020 itu kini memiliki 18 ahli berusia 24 hingga 47 tahun dengan majoritinya berkepakaran dalam mengusahakan tanaman cili fertigasi jenis Sakata 461.

kiranya berlaku situasi contohnya petani kita gagal untuk meneruskan satu projek, pihak koperasi masih dapat menampung semula kos (menggunakan hasil projek yang berjaya) dan meneruskan projek (yang gagal) itu.

"Dalam proses pembangunan koperasi sekarang, kita nampak ada satu kelebihan kami selaku petani duduk di bawah satu komuniti.

"Sebelum ni kami menjalankan pertanian sendi-

"Kita melantik ahli untuk memajukan projek ini dalam satu kawasan. Sekiranya berlaku situasi contohnya petani kita gagal untuk meneruskan satu projek, pihak koperasi masih dapat menampung semula kos (menggunakan hasil projek yang berjaya) dan meneruskan projek (yang gagal) itu"

ri, apabila kita tubuh KATAM ia menjadi platform penghubung antara petani dengan jabatan dan agensi kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Helmi berkata, pencapaian itu mampu direalisasikan berkat usaha gigih semua ahli serta bantuan dari-

pada Jabatan Pertanian Perak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC).

"Selain bantuan berbenut input pertanian seperti baja dan racun, jabatan serta agensi ini turut menyalurkan bantuan mesin bagi mencuci kawasan, khidmat nasihat serta bantuan dari segi pemasaran hasil tanaman, sekali gus meningkat pendapatan petani seperti kami.

"Malah, kami juga dibekalkan dengan teknologi Internet Kebendaan (IoT) yang berasaskan sistem smart farming, iaitu penggunaan aplikasi dalam telefon pintar untuk kita mengawal aktiviti pembajaan dan meracun mengikut isipadu tepat, tanpa perlu ke kebun," katanya.

Mohd Helmi berkata, itu membuktikan komitmen mereka selaku peneraju *flagship* Lembah Bakul Makanan (Keterejaminan Makanan) seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cerusan idea Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.



PETANI yang juga ahli KATAM menunjukkan hasil cili jenis Sakata 461 yang ditanam. Hadir sama, Pegawai Pertanian Daerah Kuala Kangsar, Muhammad Nazri Hassan (tiga dari kanan). - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI



Bawang merah dari Belanda yang dijual RM8.50 sekilogram di sebuah pasar di Tampoi, Johor.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Bawang merah China diganti bawang Belanda lebih mahal

Peniaga minta pihak berkuasa siasat elak pihak susulan musim perayaan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Bekalan bawang merah yang diimport dari China didakwa kekurangan di bandar raya ini susulan permintaan tinggi pengguna sejak dua minggu lalu.

Tinjauan di beberapa pasar termasuk di sekitar Perling, Tampoi dan Skudai mendapati bekalan bawang merah import dari China tidak banyak dijual.

Namun, ia digantikan bawang merah dari Belanda yang dijual lebih mahal, iaitu RM8.50 sekilogram, berbanding bawang merah China hanya sekitar RM4.50 hingga RM5.50 sekilogram.

Peniaga kedai runcit di sebuah pasar basah di Tampoi, Haikal Fikri, 31, mendakwa pembekal me-

maklumkan ketiadaan bekalan bawang merah China di bandar raya ini ketika ini susulan permintaan tinggi.

"Sudah hampir dua minggu bekalan bawang merah dari China habis dijual di kedai saya begitu juga banyak kedai runcit yang lain.

"Pembekal mendakwa stok bawang merah dari China sudah kehabisan kerana permintaan yang tinggi dan mereka masih menunggu bekalan baharu tiba dari republik itu.

"Oleh sebab itu, pembekal menggantikan bekalan bawang merah China dengan bawang merah dari Belanda ketika ini, namun ia kurang digemari oleh pelanggan kerana harganya yang mahal, selain rasanya yang didakwa kurang sedap," katanya.

Semalam, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, bekalan bawang dalam negara masih mencukupi meskipun India melarang eksport bekalan itu sehingga Mac.

Mohamad dilaporkan berkata, pada masa sama, kerajaan turut mendaftarkan bekalan bawang dari China, Thailand

dan Pakistan.

Minta pihak berkuasa pantau

Dalam pada itu, peniaga kedai runcit yang hanya mahu dikenali sebagai Hashim, 42, berharap pihak berkuasa memeriksa dakwaan pembekal yang menyatakan bekalan bawang merah China mengalami kekurangan di sebalik jaminan diberi kerajaan.

"Agak pelik juga bekalan bawang merah China yang harganya murah tiba-tiba didakwa bekalan tidak cukup dan digantikan pula dengan bawang merah Belanda yang lebih mahal.

"Sebelum ini tiada isu kekurangan bekalan bawang merah China selepas kita berhadapan kekurangan bawang merah India yang dilarang import oleh negara berkenaan.

"Diharap pihak berkuasa memantau perkara ini supaya tidak ada manipulasi berikutan hampir musim perayaan," katanya.

Pengguna, Hasnita Awang, 45, berkata harga bawang merah Belanda yang lebih mahal berbanding bawang merah China, menyebabkan pengguna yang tiada pilihan berasa terbeban.


JUAL

OR BAHRU

ga Maksimum
1344,250.00*

pada tarikh dan syarat
s Ville (Blok C)
1,606/02/2693
Batu / Plentong
as - 1,125 kps.

Koordinat GPS:
N 1° 30' 40.32"
E 103° 49' 22.802"



DAFTAR JAJARAN

arkan secara atas talian
al Sistem Perumahan
geri Johor (PKPJ)

JAYA LEBER

07 971333 • No. Bina
101, 104 • Kuching, Sarawak
Kuching • Jumlah unit: 291

Rebutlah, anda dipertahankan
atau melalui portal projek ini.

Lagi bubu naga dirampas di Perak

LUMUT – Sebanyak 31 bubu naga dirampas Maritim Malaysia (APMM) Perak pada kedudukan 0.3 kilometer tenggara di Jeti Kampung Bharu, di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, bubu berukuran 10 meter panjang setiap satu itu dikesan pasukan bot ronda pada pukul 12.40 tengah hari ketika melaksanakan Op Sayong, Op Pintas, Op Tanjung dan Op Tiris.

"Anggota mengesan tong berwarna kuning terapung pada permukaan air yang dijadikan pelampung dan penanda bubu naga di perairan berkenaan.

"Kesemua bubu naga yang bernilai lebih RM2,000 itu dirampas dan diserahkan ke-


pada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau memberitahu, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Jika bersalah, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara sehingga dua tahun atau keduanya.

Tambahnya, modal rendah dengan hasil perikanan yang lumayan menjadikan kegiatan itu semakin berleluasa.

"Bagaimanapun, ia menimbulkan konflik antara nelayan pantai atau tradisional yang menggunakan kaedah tangkapan biasa," ujarnya.



ANGGOTA APMM menunjukkan bubu naga yang dirampas di Jeti Kampung Bharu, Lumut kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2024	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	24

Maqis rampas hampir 25 tan perut babi sejuk beku

KLANG - Perut babi sejuk beku seberat hampir 25 tan menggunakan dokumen mengelirukan dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Pelabuhan Klang Barat.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, perbuatan itu dikesan pihaknya ketika menjalankan pemeriksaan fizikal pada jam 3.30 petang pada Sabtu.

“Pemeriksaan mendapati jumlah ‘frozen pork belly’ yang dibawa masuk dari Sepanyol sebanyak 24,993.24 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM443,197.77,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Sobri berkata, kes disiasat

mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengemukakan maklumat mengelirukan iaitu maklumat nombor loji dalam permit import tidak sama dengan dokumen sijil kesihatan.

“Kerajaan hanya membenarkan pengimportan dari loji abatoir diluluskan sahaja dan mematuhi tahap biosekuriti ditetapkan.

“Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara,” ujarnya.



Maqis memeriksa perut babi sejuk beku dibawa masuk dari Sepanyol.



Produk sejuk beku menggunakan dokumen mengelirukan berjaya digagalkan Maqis.

Reports by IMRAN HILMY, GERARD GIMINO, TEH ATHIRA YUSOF and REMAR NORDIN

Padi farmers in Kedah on red alert

Many see their income halved as heatwave hits northern region

ALOR SETAR: Padi farmers in Pokok Sena, Kedah, are racing against the clock to save their crops, which are suffering in both quality and quantity.

Already, many have lost almost half their income with the padi harvest suffering due to the extreme heat in the region.

"Those who planned padi early saw a decrease in the weight of rice during harvesting," said farmer Wan Maharuddin Sulaiman, 67.

"The rice grains are empty and there are other issues, such as padi-related diseases and pests like stemborers.

"This has affected our livelihood," he said, adding that the land could become infertile if the sweltering heat persists.

Some are calling it the New Year heatwave and the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) said it can only get worse in Penang, Kedah and Perlis, with temperatures reaching more than 35°C, and without rain until Sunday.

Another farmer, Che Hassan Chaz, 40, said there was nothing much they could do about the weather.

"The water supply from Muda Agricultural Development Authority (Mada) is enough for now, but if there is no rain for another month, we must have a Plan B to ensure the crops are properly irrigated.

"Most probably we will have to pump water from nearby rivers," he said.

As of Monday, the effective capacity of dams in Bedu, Muda and Abang were 73.53%, 84.96% and 96.96% respectively.

These three dams are under the management and supervision of Mada.

In Pendang, Farmers Area Organisation South Pendang chairman Abdullah Mohamad said there has been no rain in several places since a month ago with Kampung Charok Kering, Sungai Jagong, Paya Mat Inson and Bakar Arang the most affected.

"Most of us have already planted our crops and are currently waiting for the next harvest.

"However, we may suffer losses of as much as 50% due to the heatwave," he said.

Abdullah said for now, the farmers would have to pump water from nearby rivers such as Sungai Jagong and Sungai Pendang to irrigate the canals.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh urged more farmers to join the programme to have five harvests every two years to boost padi production and avoid the impact of the drought.

"Padi farmers must adhere to a planting schedule prepared by agricultural experts, right down to the specific days to begin phases such as seeding, transplanting,

Worrying sight: A padi field in Balik Pulau, Penang, is seen dry and cracked due to the extreme hot weather. — Bernama



fertiliser and pesticide applications, and finally, harvesting.

"Currently, only about 12% of farmers have joined this programme.

"If they follow Mada's advice, they won't be affected by the current hot season," he said, adding that Mada would maintain irrigation canals to help the farmers every season.

In Perlis, Harumanis farmer and entrepreneur Mohd Nasir

Sulim, 33, said the extremely hot weather might affect the mango harvest too.

"For Harumanis to grow healthy, we need at least a month of hot temperature to produce sweet and delicious fruits. But if it is too hot, the flowers will drop prematurely from the trees.

"If this happens, it will affect production. I expect the first harvest just before Hari Raya or in early April," he said.

Perlis Harumanis Entrepreneurs Association chairman Datuk Hashim Suboh urged the relevant agencies to build tube wells for plantations located far from a water source.

"These tube wells only cost between RM4,000 and RM5,000 each.

"They can be built at Harumanis farms to help cool the temperature if the weather is extremely hot," he said.